

08/12/1998

ATM berupaya lanjutkan usia peralatan

KUALA LUMPUR, Isnin - Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berupaya mengekalkan jangka hayat peralatan ketenteraan hingga melebihi 40 tahun berkat budaya penyelenggaraan yang diamalkan, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Menurutnya, ATM mengambil berat soal penyelenggaraan peralatan dan kenderaan tentera kerana ia boleh memanjangkan jangka hayatnya dan menjimatkan perbelanjaan.

Katanya, ATM masih menggunakan pesawat dan kapal tentera yang sudah berusia lebih 30 dan 40 tahun seperti pesawat Nuri, Caribou dan Wasp serta kapal peronda.

"Kami masih menggunakan pesawat Wasp dan Caribou walaupun syarikat yang mengeluarkan pesawat itu sudah tidak ada lagi," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan cek kepada Donnie Gong Wee Hua, balu juruterbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Kapten Jaidev Biaspal, 29, yang terbunuh dalam nahas di Kuala Betis, Kelantan, 10 September lalu.

Turut hadir pada majlis di Kementerian Pertahanan itu ialah ibu Jaidev, Tirlok Devi; anak mendiang, Daviena, 3; dan Timbalan Panglima TUDM, Mej Jen Datuk Sulaiman Mahmud.

Keluarga Jaidev menerima sumbangan cek yang tidak dinyatakan jumlahnya daripada Tabung Amanah Perwira dan Pertahanan Negara, ex-gratia, pampasan Skim Insurans Berkumpul Angkatan Tentera dan cek bernilai RM4,000 sumbangan Kerajaan Perak.

Syed Hamid berkata, kementerian memberi keutamaan penyelenggaraan peralatan dan kenderaan tentera kerana ia membabitkan soal keselamatan.

"Sesiapa yang didapati cuai dalam menjalankan tugas mereka akan dikenakan tindakan tegas termasuk buang kerja atau diturun pangkat," katanya.

Menurutnya, gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap penyemaian budaya penyelenggaraan harta kerajaan baru-baru ini adalah peringatan yang baik kepada ATM.

"Dalam Rancangan Malaysia Ke-Lapan kami akan memberi perhatian untuk mendapatkan peruntukan yang baik untuk tujuan penyelenggaraan," katanya.

Sementara itu, mengulas nahas pesawat Hawk 208 dipandu Jaidev, Syed Hamid berkata laporan penuh siasatan akan diperolehi tidak lama lagi.

Menurutnya, lembaga penyiasat nahas itu akan mengemukakan laporan kepada beliau tidak lama lagi bagi menjelaskan punca sebenar nahas yang sebelum ini dilaporkan berpunca daripada kesilapan pemandu.

Syed Hamid berkata, berdasarkan taklimat lembaga penyiasat itu, Jaidev dikatakan memberi tumpuan melampau kepada sasarannya menyebabkan beliau lupa pesawat itu sedang membuat penerbangan terlalu rendah.

(END)